

**UNSUR ALAM DALAM NOVEL SALINA KARYA A.
SAMAD SAID: SATU PENELITIAN
MENGUNAKAN TEORI NATURALISME**

MOHD SHARUL NIZAM BIN MADIN

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**UNSUR ALAM DALAM NOVEL *SALINA* KARYA A. SAMAD
SAID: SATU PENELITIAN MENGGUNAKAN TEORI
NATURALISME**

**MOHD SHARUL NIZAM BIN MADIN
C19B0238**

**Tesis Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

FEBRUARI 2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar



Tandatangan Penyelia

Nama: Mohd Sharul Nizam Bin Madin
No. Kad Pengenalan: 981030-12-6263
Tarikh: 20 Februari 2023

Nama Penyelia: En. Sudirman Bin Kiffli
Tarikh: 20 Februari 2023

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum segala puji dan syukur kehadiran Allah SWT kerana limpah dan kurnianya yang memberikan segala cabaran dan dugaan bagi menempuh ranjau yang penuh berliku ini menjadi lebih tenang dan lurus dalam menyongsong arus. Setinggi-tinggi kesyukuran dan rahmat-Nya projek penyelidikan dan penulisan berkaitan Kajian Unsur Alam Dalam Novel *Salina: Satu Penelitian Menggunakan Teori Naturalisme* ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Penyelia projek penyelidikan saya dalam kursus CFT3124 Projek Penyelidikan I dan II iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar serta teguran yang telah diberikan sepanjang saya menyiapkan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan buat kedua ibu bapa saya iaitu Encik Madin Bin Mentiak dan Puan Salina Binti Bari serta keluarga kerana telah memberikan sokongan moral kepada saya agar terus menguatkan semangat dalam menempuh jalan yang penuh berliku-liku ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya. Tidak lupa juga kepada pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan kerana telah banyak memberi kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kalam, dengan adanya kajian ini akan dapat membuka minda khalayak bahawa unsur alam di muka bumi ini sangat penting kepada

kehidupan manusia. Segala yang buruk itu datangnye daripada kelemahan saya sendiri dan baik itu datangnye daripada Allah SWT.

Sekian, Terima Kasih.

Mohd Sharul Nizam Bin Madin

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

20 Februari 2023



SENARAI ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI GAMBAR	viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop dan Batasan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Metodologi Kajian	
1.7.1 Kaedah Rujukan Internet	8
1.7.2 Kaedah Kepustakaan	9

1.7.3 Kerangka Teori	9
1.8 Organisasi Kajian	10
BAB 2: TINJAUAN KAJIAN LEPAS	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Sorotan Kajian	
2.1.1 Kajian Tentang Unsur Alam	12
2.1.2 Kajian Tentang Teori Naturalisme	13
2.2 Penutup	15
BAB 3: DEFINISI TEORI ATAU PENDEKATAN	16
BAB 4: DAPATAN KAJIAN	
4.0 Pendahuluan	19
4.1 Definisi Konsep Alam	19
4.2 Unsur Alam yang Terkandung Dalam Novel Salina	
4.2.1 Alam Flora	20
4.2.2 Alam Fauna	28
4.2.3 Alam Fizikal	39
4.3 Unsur Alam Sebagai Simbolik Masyarakat	
4.3.1 Masyarakat Tamak	46
4.3.2 Masyarakat yang Mementingkan Ilmu Pengetahuan	47
4.3.3 Masyarakat Menjaga Maruah Diri	49

4.3.4	Konflik Dalam Kemasyarakatan	51
4.3.5	Masyarakat yang Berpandangan Serong	53
4.3.6	Masyarakat yang Mengenang Budi	54
4.4	Kesimpulan	56
BAB 5: KESIMPULAN		
5.0	Pengenalan	57
5.1	Rumusan	57
5.2	Cadangan	59
5.3	Penutup	61
	Rujukan	62

SENARAI RAJAH

PERKARA

Muka Surat

Rajah 1: Kerangka Teori Naturalisme

9



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI GAMBAR

PERKARA	Muka Surat
Gambar 1: Pokok Cempedak	21
Gambar 2: Kayu Balak	22
Gambar 3: Atap Rumbia	24
Gambar 4: Pokok Labu	25
Gambar 5: Pokok Pisang	27
Gambar 6:Kerbau	30
Gambar 7: Kambing	31
Gambar 8: Tikus	33
Gambar 9: Anjing	34
Gambar 10: Nyamuk	35
Gambar 11: Katak	37
Gambar 12: Sungai	39
Gambar 13: Asap	41
Gambar 14: Gunung	43

Unsur Alam Dalam Novel *Salina* karya A. Samad Said: Satu Penelitian Menggunakan Teori Naturalisme

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa Novel *Salina* sememangnya kaya dengan unsur alam semula jadi yang mampu untuk memberi gambaran kepada pembaca untuk menelusurinya. Oleh hal yang demikian, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti unsur alam yang terkandung dalam Novel *Salina* dan menganalisis unsur alam sebagai simbolik kepada masyarakat yang terdapat dalam Novel *salina*. Sehubungan itu, bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian iaitu kaedah kualitatif melalui kaedah melayari internet dan kaedah kepustakaan serta kerangka teori naturalisme dalam huraian analisis. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa dalam Novel *Salina* karya A. Samad Said banyak mengandungi unsur-unsur alam yang menjadi perhiasan dalam jalan cerita karya tersebut. Tambahan lagi, kepelbagaian ragam masyarakat yang memurnikan lagi keunggulan karya ini dapat dikeluarkan untuk memberi kefahaman kepada khalayak.

Kata Kunci: Unsur Alam, Novel *Salina*, Teori Naturalisme

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Elements of Nature in the Novel Salina by A. Samad Said: A Study Using the Theory of Naturalism

ABSTRACT

This study was carried out because the researcher found that novel Salina is indeed rich in elements of nature that are able to give readers an idea to explore it. Therefore, the objectives of this study is to identify the natural elements contained in the Salina Novel and analyze the natural elements as symbolic to the society found in the text. Accordingly, in order to make this study a success, the researcher has used a research design which is a qualitative method through internet browsing and library methods as well as the theoretical framework of naturalism in the description of the analysis. The results of this study shows that the novel Salina by A. Samad Said contains many elements of nature that become ornaments in the story line of the work. Moreover, the diversity of the community that further refines the superiority of this work can be released to give understanding to the audience

Keywords: *Elements of Nature, Salina's Novel, Teori Naturalisme*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam perkembangan kesusasteran Melayu, penceritaan dari mulut ke mulut, telinga ke telinga bukan lagi sebuah penyampaian yang khusus untuk memperkembangkan kesusasteraan Melayu pada masa kini. Dalam kemajuan dan pembangunan yang semakin pesat, pelbagai kaedah-kaedah yang digunakan untuk menghasilkan sebuah karya yang menarik dan menjadi bacaan khalayak yang meminati sastera. Sebagai contohnya, seperti penghasilan novel, buku fiksi atau bukan fiksi.

Konsep Novel

Menurut Muhammad Al Afzan Bin Ali Hussin (2018), novel ialah prosa rekaan yang panjang. Istilah novel berasal daripada bahasa Itali iaitu novella yang membawa maksud kepada satu benda kecil yang baharu. Novel merupakan satu bentuk pentafsiran rencam hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastera cereka. Selain itu juga, novel merupakan kisah yang dibukukan dan dianggap sebagai sebuah karya fiksi yang dalam terkandung imajinasi yang dihasilkan oleh pengarangnya daripada pemikiran.

Konsep Unsur Alam

Menurut Zurinah Hassan (2010), beliau berpandangan bahawa alam amat penting dalam penghasilan karya bagi seseorang pengkarya. Beliau juga mendefinisikan unsur alam adalah seperti laut, sungai, alam fauna dan flora yang menjadi sebuah medium untuk menyampaikan mesej kepada khalayak. Dalam proses menulis sesuatu karya itu, pengkarya akan menggunakan alam dalam karya mereka oleh itu, pengertian itulah yang menjadi intipati kepada karya-karya yang telah ataupun yang telah dihasilkan oleh mereka.

Menurut Seri Lanang Jaya Hj. Rohani et al. (2016) Karya Agung ialah karya ulung yang meninggalkan kesan budaya, pemikiran, pandangan dan falsafah hidup yang berkekalan dalam ingatan bersama sesuatu bangsa. Karya Agung Melayu karya yang melambangkan keunggulan daya cipta seniman, penulis, dan pemikir bangsa. Karya Agung Dunia Melayu ialah karya yang nilainya tahan zaman, yang kekal sepanjang zaman sebagai khazanah budaya dan ilmu Melayu. Karya agung yang dikaji ialah novel Salina karya A. Samad Said (2003). Oleh itu, tugas ini akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai aspek-aspek seperti unsur alam yang memperkaitkan unsur alam dengan watak dan perwatakan salina yang terdapat dalam karya ini. Novel Salina merupakan novel yang diberi nama "Gerhana" pada awalnya. Walau bagaimanapun, novel ini telah ditukar namanya atas permintaan penulis novel itu sendiri. Novel ini merupakan hasil karya A. Samad Said iaitu pengarang tersohor tanah air. Novel ini mendapat Hadiah Penghargaan dalam peraduan Novel DBP 1958. Novel ini dihasilkan dengan cara yang serba moden.

1.1 Latar Belakang Kajian

Novel Salina ini merupakan hasil karya A.Samad Said. Beliau yang juga merupakan seorang penulis yang terkenal dengan karyanya yang mempunyai nilai yang tinggi. Novel Salina yang dihasilkan oleh beliau merupakan sebuah karya yang memiliki mutu penciptaan antarabangsa. Secara keseluruhannya, novel ini sebenarnya mengisahkan tentang keadaan atau kehidupan masyarakat selepas perang dunia kedua. Masyarakat yang terlibat ialah masyarakat yang menetap di Singapura iaitu di sebuah perkampungan kecil yang bernama Kampung Kambing. Penulis juga turut mengarap pelbagai watak serta perwatakan bertujuan supaya penceritaan yang cuba disampaikan olehnya lebih berkesan dan difahami oleh para pembaca. Antara watak utamanya ialah Salina dan turut dibantu oleh watak-watak sampingan yang lain. Penulis turut menggunakan pelbagai teknik penulisan bagi menambah lagi daya tarikan terhadap novel tersebut. Oleh itu, demikianlah novel Salina dikatakan sebagai satu petunjuk terbaru dalam penghasilan novel-novel moden yang lebih berkualiti dan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Novel ini berlatar belakangkan sebuah kampung yang diberi nama Kampung Kambing. Kampung ini diberi nama Kampung Kambing kerana penduduk yang tinggal di kampung ini tinggal di kandang kampung yang disewakan oleh seorang lelaki India. Antara watak yang terdapat dalam novel Salina ini ialah Siti Salina dan kekasihnya, Abdul Fakar, Hilmy dan ibunya Katijah, Zarina seorang janda yang tinggal bersama anak tirinya, iaitu Nahidah, Mansur dan Sunorto yang dijadikan anak angkat oleh arwah bapa Nahidah, Haji Karman, Razman dan Kurupaya. Penceritaan novel Salina ini dapat digambarkan dengan watak Siti Salina seorang pelacur yang menyara dan memelihara Abdul Fakar yang malas bekerja yang sering meminta

duit daripada Siti Salina.

Abdul Fakar seorang yang kaki mabuk, kaki perempuan dan suka memukul dan meminta duit daripada Siti Salina. Walaupun Siti Salina sering dipukul oleh Abdul Fakar, dia tetap menyayangi Abdul Fakar kerana wajah Abdul Fakar seiras dengan wajah arwah kekasihnya, Muhamad Yusuf yang mati akibat perang dunia kedua. Pada asalnya Siti Salina seorang anak yang kaya, namun akibat perang dunia kedua yang mengakibatkan kematian ahli keluarganya dan kehilangan harta bendanya, dia terpaksa menyara dirinya dengan menjadi pelacur. Selain itu, novel Salina ini juga dapat dilihat konflik yang berlaku pada watak Nahidah yang dipaksa oleh ibu tirinya untuk menjadi pelayan demi memenuhi kemahuan ibu tirinya yang ingin hidup mewah malah Nahidah juga sering diusik oleh Abdul Fakar tanpa pengetahuan ibu tirinya dan Siti Salina.

Atas hasutan Abdul Fakar, Zarina telah menghalau Sunarto dan Mansur yang kerap disindir oleh ibu tirinya telah meninggalkan rumah untuk memasuki tentera. Hal ini menyebabkan Abdul Fakar semakin berani untuk mengusik Nahidah sehingga dia berjaya memperkosa Nahidah pada suatu malam sewaktu Nahidah pulang membasuh baju. Setelah diperkosa oleh Abdul Fakar dan Cik Salim, Nahidah telah lari meninggalkan Singapura dan kemudiannya berkahwin dengan seorang buruh dan menetap di Pulau Pinang. Hilmy berasa sedih akan pemergian Nahidah manakala Siti Salina setelah dinasihati oleh Katijah turut meninggalkan Abdul Fakar dan berhijrah ke Kelantan. Abdul Fakar kemudiannya kembali belayar setelah gagal mencari Siti Salina dan menyesal akan perbuatannya terhadap Siti Salina.

1.2 Permasalahan Kajian

Setelah meneliti beberapa kajian-kajian terdahulu, kajian ini dijalankan kerana kajian- kajian lepas kurang menitikberatkan unsur alam dan watak perwatakan dalam novel salina karya A. samad said. Pengkaji-pengkaji terdahulu lebih banyak menjalankan kajian terhadap jalann cerita iaitu retorik teknik yang digunakan oleh pengkarya. Selain itu juga, Kajian yang dijalankan oleh Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir (2013) unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu Al-Amin Karya A. Samad Said kajian ini juga hanya mengetengahkan berkaitan unsur-unsur retorik dalam puisi melayu. Kajian terdahulu mengetengahkan unsur feminisme dalam kajian mereka yang mengkaji elemen-elemen feminisme. Seterusnya, pengkaji terdahulu mengetangahkan berkaitan keaneka ragaman dalam teknik penyampaian cerita dalam novel salina.

Sehubungan dengan itu, dengan memilih kajian unsur alam dalam novel salina ini merupakan satu pemilihan tajuk yang sesuai disebabkan masih terdapat kelompongan dalam kajian berkaitan dengan unsur alam yang diketengahkan dalam novel tersebut. Oleh itu dengan menjalankan tajuk kajian ini dapat membantu pengkaji-pengkaji yang akan datang dalam menjalankan kajian mereka.

1.3 Persoalan Kajian

- 1.3.1 Apakah unsur alam yang terkandung dalam Novel Salina?
- 1.3.2 Bagaimanakah unsur alam dapat dikaitkan dengan perwatakan masyarakat yang terkandung dalam novel Salina?

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengenalpasti unsur alam yang terkandung dalam Novel Salina.
- 1.4.2 Menganalisis unsur alam sebagai simbolik kepada perwatakan masyarakat yang terdapat Novel Salina.

1.5 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian merupakan elemen yang penting dalam penghasilan kajian bagi mengelakkan kajian seseorang itu terpesong jauh dari tajuk yang telah dipilih. Berdasarkan kepada tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji, Kajian yang dijalankan memberi penekanan terhadap teks yang bertajuk Novel *Salina* karya A. Samad Said. Hal ini dikatakan demikian kerana, novel merupakan medium yang terbaik dimana pengkarya-pengkarya banyak mengeluarkan ideologi-ideologi mereka dalam penulisan dan teori-teori yang bersesuaian. Seterusnya, pengkaji memfokuskan kajian ini dengan menggunakan teori naturalisme bagi mencapai objektif dan memperkembangkan lagi pemikiran berkaitan analisis kajian.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah sangat penting untuk memperlihatkan tentang aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu, kajian ini adalah untuk mengkaji sejauhmana pengkarya novel tersebut dalam menggunakan unsur alam dalam menambahkan aspek-aspek keindahan dalam penceritaannya. Selain daripada itu, watak dan perwatakan seseorang juga adalah sangat penting dalam jalan ceritanya yang menarik. Oleh itu kepentingannya adalah untuk memperbanyak lagi kajian berkaitan novel *Salina* dan memudahkan pengkaji akan datang untuk mencari rujukan mengenai tajuk yang dipilih.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya. Tujuannya adalah untuk menghasilkan kajian yang baik. Di samping itu, metodologi kajian digunakan bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai berdasarkan kaedah yang dipilih sah dan dipercayai. Metodologi merupakan kerangka kajian yang meliputi kaedah kajian dalam membentuk analisis kajian. Metodologi juga dijadikan sebagai petunjuk kepada pengkaji supaya menjalankan proses mengikut skop kajian yang telah ditetapkan. Reka bentuk dalam menghasilkan kajian ini adalah kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah rujukan internet dan kaedah kepustakaan serta rujukan teks. Pada bahagian ini, dapat dipaparkan 2 kaedah kajian dan kerangka teori bagi melengkapkan kajian iaitu:

1.7.1 Kaedah Melayari Internet


Bagi melengkapkan lagi kajian yang dihasilkan, pengkaji telah menggunakan kaedah melayari internet sebagai kaedah utama iaitu menggunakan internet khususnya untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk kajian. Kebanyakan maklumat yang diperolehi oleh pengkaji dalam penghasilan kajian ini, adalah melalui rujukan internet, dengan melayari laman web. Hal ini, memudahkan lagi pengkaji untuk menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh pensyarah. Sehubungan dengan itu, pengkaji menggunakan jurnal, blogspot, dan juga beberapa akhbar internet untuk dijadikan bahan bagi merujuk isu yang dikaji oleh pengkaji berkaitan Unsur alam. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah ini

sememangnya dapat menjayakan lagi kajian yang pengkaji jalankan untuk mengukuhkan lagi kajian melalui sumber yang sahih

1.7.2 Kaedah Kepustakaan

Dalam kaedah ini, pengkaji telah menggunakan beberapa buah buku sebagai rujukan terutama sekali novel salina bagi melengkapkan kajian yang telah dipilih. Selain itu juga, terdapat buku-buku sampingan yang digunakan untuk mencari maklumat tambahan yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

1.7.3 Kerangka Teori



Gambar Rajah 1: Kerangka Teori Naturalisme

1.8 Organisasi Kajian

Kajian ini terbahagi kepada beberapa bab iaitu bermula dari bab 1 sehingga bab 5. Kajian ini dimulai dari bab 1 satu iaitu pendahuluan yang mana terdiri pernyataan umum dan menceritakan sedikit sebanyak berkaitan pernyataan masalah daripada kajian yang ingin dijalankan. Selain itu, dalam bab ini juga akan menerangkan berkaitan dengan definisi, pendapat tokoh dan objektif kajian untuk menentukan arah tuju keberhasilan kajian ini nanti. Keseluruhan daripada bab 1 ini merangkumi pengenalan, pernyataan masalah, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan organisasi kajian.

Pada bab 2 pula, penulisan kajian ini akan menerangkan berkaitan kajian-kajian lepas yang telah dihasilkan oleh pengkaji terdahulu. Pada bab ini, pengkaji banyak merujuk kajian-kajian lepas sebagai contoh jurnal, artikel atau perkara yang berkaitan dengan kajian unsur alam bagi memperkuatkan lagi hasil kajian.

Seterusnya, bab 3 akan menceritakan berkaitan dengan pemahaman definisi teori dan pendekatan yang digunakan. Pada bahagian ini, menjelaskan penggunaan teori dan perkara berkaitan dengan lebih terperinci penggunaan teori dalam tajuk kajian yang telah dipilih dengan mengambil kira rujukan daripada kajian-kajian lepas daripada tokoh-tokoh terdahulu.

Bab 4 merupakan bab yang paling penting. Pada bab ini, segala kajian dan hasil bacaan akan menjadi satu kupasan iaitu hasil daripada kajian yang dinamakan analisis kajian. Bahagian analisis akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai isi atau objektif kajian yang telah ditetapkan. Pada bahagian ini juga, hasil kajian akan dihuraikan bersama teori yang telah dipilih menggunakan kaedah kualitatif.

Akhir sekali iaitu, bab 5 bahagian kesimpulan. Pada bahagian kesimpulan ini, pengkaji akan mengulas secara keseluruhan berkaitan hasil daripada kajian. Kesimpulan merupakan penutup kajian dan akan menerangkan secara ringkas berkaitan tajuk yang dipilih.



BAB 2

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian seharusnya menghuraikan, meringkaskan dan menilai beberapa kajian terdahulu. Pada sorotan kajian ini, pengkaji telah membincangkan tentang kajian-kajian mengenai unsur-unsur alam, novel, dan teori naturalisme. Pada bab ini pengkaji akan memfokuskan beberapa sumber untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang ingin dijalankan iaitu kajian unsur alam dalam novel *Salina*.

2.1 Sorotan Kajian Lepas

2.1.1 Kajian Tentang Unsur Alam

Kajian yang dijalankan oleh Rahmah Ahmad H. Osman dan Mohd Shahrizal Nasir (2013) penulis ini tertumpu kepada unsur-unsur retorik dalam puisi Melayu Al-Amin Karya A. Samad Said. Seterusnya, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kualiti kesusasteraan yang ada dalam Al-Amin ditonjolkan untuk menzahirkan kehadiran prinsip estetik berkenaan dalam pengaplikasian beberapa teori retorik dalam bahasa Melayu dan Arab. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa A. Samad Said berusaha menyumbangkan satu karya yang menjurus kepada

keislaman. Secara jelas Al-Amin menyatakan riwayat kehidupan seseorang itu iaitu Nabi Muhammad SAW memberi gambaran bahawa sastra islam bukan sahaja mementingkan aspek makna yang terkandung di dalam sesebuah karya malahan beberapa keindahan balaghah Arab.

Penelitian diteruskan dengan kajian daripada Zurinah BT. Hassan (2001) yang tertumpu kepada penggunaan unsur alam sebagai perlambangan di dalam puisi Melayu moden. Seterusnya kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti sumber pembinaan sesebuah metafora, Simili, dan personifikasi. Hasil kajian ini mendapati bahawa perlambangan adalah aspek utama atau dominan di dalam gaya bahasa. Penggunaan lambang juga memperlihatkan keakraban orang-orang Melayu dengan alam, unsur-unsur alam seperti laut, sungai, gunung digunakan untuk membawa pengertian tertentu.

Melalui kajian Salinah Jaafar (2017), penelitian berkaitan Unsur alam dan masyarakat dalam teks terjemahan Bahasa Melayu Surah ar-Rahman. Kajian ini memfokuskan beberapa objektif iaitu melihat sejauh mana terjemahan yang dilakukan dalam Bahasa Melayu dapat memenuhi sistem budaya masyarakat Melayu terhadap lingkungan alam sekeliling. Hasil daripada kajian ini menerangkan bahawa alam yang dianggap sebagai sumber ilmu dalam masyarakat Melayu merupakan wadah penitng dalam meneruskan kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan hadis.

2.1.2 Kajian Tentang Teori Naturalisme

Selain daripada itu, penilitan diteruskan dengan melihat kajian daripada Asrul Azuan Mat Dehan dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015) penulis ini tertumpu kepada Teknik Retorik dalam Novel Salina Karya A. Samad Said. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan teknik retorik dan menganalisis kekerapan teknik retorik yang digunakan dalam novel salina (1961) Karya A. Samad Said. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa retorik dalam novel salina telah membantu penulis menyampaikan ideanya dengan berkesan dan mampu untuk menarik perhatian pembaca.

Melalui kajian Eka Putriani (2018) kajian ini tertumpu kepada karya seni naturalisme pada estika klasik. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti karya seni naturalisme pada suatu masa dahulu bersama pengkarya. Hasil daripada penelitian ini mmendapati bahawa naturalisme adalah teori yang menerima alam sebagai keseluruhan reality. Membuat sebuah karya naturalisme merupakan aliran seni yang mengutamakan kesamarataan objek yang dibuar agar Nampak lebih natural dan realistik. Hal ini dapat dikaitkan bahawa kajian yang akan dijalankan iaitu kajian unsur alam dalam novel salina melalui teori naturalise berkaitan dengan kajian terdahulu disebabkan kajian yang berkaitan unsur alam.

Penilitan diteruskan lagi dengan melihat kajian Kasmaizun Enuni Binti Mohd Sarji (2018) penlis tertumpu kepada unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Seterusnya teori yang diaplikasikan dalam kajian ini ialah teori konseptual kata kunci.

Manakala objekif kajian ini adalah mengenal pasti unsur alam dan menganalisis makna unsur alam serta merumuskan kepengaruhannya berdasarkan pengungkapan unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Hasil daripada kajian dapat membuktikan bahawa Siti Zainon Ismail berupaya melunaskan tanggungjawabnya kerana melalui alam dikatakan banyak memberi manfaat dan inspirasi kepada penulis. Selain itu, unsur alam bukan sahaja menggambarkan keindahan ciptaan Allah SWT malah mempunyai mesej tersendiri yang sangat berguna untuk khalayak pembaca.

2.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini menghuraikan tentang kajian-kajian lepas yang telah dilakukan secara ekstensif oleh penyelidik terdahulu. Sorotan kajian yang dilakukan ini tertumpu kepada topik kajian sahaja. Keseluruhan kajian bab ini tidak memfokuskan kepada unsur alam sahaja malah pengkaji telah membahagikan kepada tiga bahagian iaitu unsur alam, kajian A. Samad Said dan kajian Teori Naturalisme. Oleh hal yang sedikian, berdasarkan kepada sorotan kajian yang diperoleh, maka jelaslah membuktikan bahawa terdapat pelbagai aspek yg telah dikaji oleh para sarjana sebelum ini. Oleh itu, sebuah kajian mengenai kajian unsur alam dalam novel salina karya A. Samad Said menggunakan Teori naturalisme bagi menambahkan lagi kajian terhadap novel salina dan teori naturalisme untuk kajian para penyelidik yg akan datang.

BAB 3

DEFINI TEORI ATAU PENDEKATAN

3.0 Pengenalan Teori Naturalisme

Naturalisme dalam kesusasteraan menurut Gamal Thabroni (2018-2022) sastera naturalisme akan menceritakan dengan jelas realiti yang sering berlaku setiap hari tanpa menapis adegan atau dialog yang kontroversi. Dalam kesusasteraan, naturalisme didasarkan pada determinisme untuk menunjukkan bahawa manusia adalah tahanan dari keadaan di mana dia hidup dan berkembang oleh itu dia menumpukan perhatian untuk memperdalam dan menjelaskan secara terperinci realiti manusia. Pengarang naturalis dicirikan dengan membahas teks mereka berkaitan kekejaman dan kegelapan situasi tertentu di mana banyak orang mendapati diri mereka dengan topik seperti kemsikinan, alkoholisme, pelacuran, perbezaan kelas sosial dan drama sosial keluarga atau peribadi.

Dalam penghasilan penyelidikan ini, teori yang digunakan ialah teori naturalisme hal ini dikatakan demikian kerana, Teori Naturalisme merupakan gerakan falsafah, sastera juga seni yang boleh memperlihatkan tafsiran realiti tertentu, mutlak dan boleh dipercayai tetapi menekankan secara keseluruhan bahawa alam adalah permulaan dari segala sesuatu yang nyata dan ada. Istilah naturalisme berasal dari narutalis Latin, yang digunakan untuk merujuk kepada semua arus falsafah yang bermula dari idea bahawa semua yang ada mempunyai asal usul semula jadi. Naturalisme terbahagi kepada empat iaitu

naturalisme dalam falsafah, naturalisme dalam seni, naturalisme dalam kesusteraan dan naturalisme dalam seni plastik. Dalam kajian ini, pendekatan yang digunakan ialah teori naturalisme dalam kesusasteraan.

Emile Zola (1870), mencadangkan bahawa keadaan sosial, keturunan dan persekitaran mempunyai kekuatan yang tidak dapat dielakkan dalam membentuk watak dan perwatakan manusia. Selain itu, mereka juga mempercayai bahawa keturunan dan persekitaran sosial membentuk dan mempengaruhi perwatakan dan tindakan manusia. Penulisan mereka cenderung memilih watak yang memperlihatkan watak seperti haiwan yang bersifat tamak dan mempunyai keinginan seksual yang tinggi malah pengakhiran novel-novel naturalisme ini lazimnya bersifat tragik kerana hero atau heroinya yang berjuang dengan pemikiran untuk menentang tuhan, musuh, dan kejadian alam. Terdapat empat asas utama dalam Teori Naturalisme iaitu *Determinism*, *Objectivism*, *Pessimism*, dan *Surprising twist at the end of the story*. Sehubungan dengan itu, dalam penganalisan kajian ini pengkaji menggunakan asas Determinism dan Pessimism untuk mengenalpasti sejauhmana penggunaan Teori Naturalisme dalam penghasilan Novel *Salina*.

Determinism dapat ditakrifkan perlakuan seorang individu dipengaruhi oleh kehidupannya dengan memberi fokus kepada takdir atau keadaan semulajadi. Selain itu, manusia hidup dalam persekitaran semulajadi seperti haiwan yang saling bertindak balas terhadap kehendak alam. Seterusnya, pengarang membuatkan pembaca percaya bahawa takdir watak telah ditentukan oleh beberapa faktor terutamanya faktor alam sekitar dan watak berkenaan tidak boleh berbuat apa-apa untuk mengubahnya.

Manakala Pessimism pula dapat ditakrifkan iaitu watak-watak yang cenderung untuk mengulangi frasa yang mempunyai pandangan pesimis dan kadang-kadang watak tersebut diwujudkan tentang ketidakmampuan untuk berhadapan dengan kematian. Akhir sekali, karya-karya yang mengandungi unsur-unsur yang tidak baik seperti karya Emile Zola yang mengandungi sudut-sudut gelap dan kehidupan manusia seperti kemiskinan, rasis, prejudis, penyakit, pelacuran, seks, dan kekotoran.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan mengulas tentang analisis kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji iaitu mengenai penelitian unsur alam dalam novel *Salina* karya A. Samad Said. Pada bahagian permulaan bab ini, pengkaji akan memberikan pendefinisian tentang apa itu yang dikatakan sebagai 'alam' atau lebih dikenali sebagai 'alam sekitar'. Selain itu, pada bahagian pertengahan bab ini pula, pengkaji akan melakukan perbincangan terhadap topik yang akan diulaskan dengan lebih mendalam tentang penelitian unsur-unsur alam yang terkandung di dalam novel *Salina* karya A. Samad Said. Selain itu, pengkaji juga akan membincangkan simbolik unsur alam kepada watak dan perwatakan terhadap unsur alam yang terkandung di dalam novel *Salina* dengan mengaplikasikan Teori Naturalisme. Pada pengakhiran bab ini, pengkaji akan membuat sedikit kesimpulan untuk hasil perbincangan analisis kajian teks yang telah dibincangkan.

4.1 Definisi Konsep Alam

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 30) menyatakan bahawa alam ialah segala yang ada di langit dan di bumi seperti bumi, bintang-bintang, tenaga- tenaga yang ada dan sebagainya. Selain itu, alam juga dapat dedefinisikan sebagai alam jumatara termasuk bintang-bintang dalam bima sakti, badan-badan yang terdapat di dalam sistem suria,

bintang-bintang dan galaksi-galaksi di jumatara serta angkasa di antaranya (*Ensiklopedia Sains*, 1979: 7). Sehubungan dengan itu, alam pada pemikiran Islam pula merupakan suatu yang terdapat maupun yang dikira oleh manusia di dunia ini tidak hanya Allah serta zat beserta sifat- Nya. Menurut Al-Ghazali, alam ini dapat dibezakan dengan dua jenis iaitu alam ghaib dan alam syahadah. Alam syahadah dapat dilihat dalam makna Inggeris disebut sebagai *universe* ataupun makna dalam sehari-hari yang lebih dikenali sebagai alam semesta (Savira Rosalia Hihola & Christian Siregar, 2020: 1). Malahan juga, alam syahadah juga dikenali sebagai alam fizikal, hal ini demikian kerana alam ini merupakan alam yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia, disentuh sama ada dengan menggunakan alat ataupun tidak. Manakala alam ghaib pula merupakan alam yang tidak boleh dilihat oleh penglihatan manusia dan tidak boleh disentuh oleh manusia.

4.2 Unsur Alam yang terkandung dalam Novel Salina

4.2.1 Alam Flora

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016: 413), flora didefinisikan sebagai (bio) keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat disesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Selain itu, flora pula merupakan seluruh kategori tumbuh-tumbuhan serta tanaman yang terdapat di muka bumi ini. Sebagai pengetahuan umum, angrek, raflesia Arnoldi, beringin, Pinus serta Palma itu adalah contoh dari alam flora. Menurut Kamus Bahasa Melayu, dalam botani flora mempunyai dua maksud, pertama merujuk kepada semua tumbuhan yang hidup di dalam sesuatu kawasan atau zaman

khususnya tumbuhan yang asli. Maksudnya kedua merujuk kepada buku atau karya yang memperihalkan spesies tumbuhan yang terdapat di dalam sesuatu kawasan atau zaman bagi tujuan pengenalpastian. Seseengah flora berasal daripada bahasa latin, flora yang merupakan dewi untuk bunga dalam mitologi Rom.

A) Pokok Cempedak



Gambar 1: Pokok Cempedak

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/hJBLUoZ3FyghnqZR8>)

Dalam penulisan menurut *kamus Bahasa dewan edisi keempat*, Pokok Cempedak merupakan pokok saka yang boleh mencapai ketinggian sehingga 20 meter. Ianya juga mempunyai daun ringkas yang kebanyakannya berbentuk elliptic. Pokok yang ini mempunyai bentuk kanopi seperti berbentuk kon dengan saiz ukuran helaian daun sekitar 2 – 25 cm panjang. Sebagai contohnya melalui novel salina:

“Betullah. Ha, itu pun dia **Pokok Cempedaknya**. Di belakang itulah biliknya,” Jawab orang tua itu terbatuk-batuk sambil menunjuk ke Pokok

Cempedak yang beberapa biji buahnya bersalut,

(A. Samad Said, 2020: 1)

Oleh yang demikian, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa dalam novel *Salina*, A. Samad Said menggunakan unsur alam seperti Pokok Cempedak. Pengarang menunjukkan pokok cempedak tersebut untuk menegaskan berkenaan satu lokasi kepada pembaca dan memberikan gambaran serta membayangkan situasi ataupun peristiwa yang berlaku berlatar belakangkan unsur alam.

B) Kayu Balak



Gambar 2: Kayu Balak

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/WSLrEMpSG7KnKkoy5>)

Menurut *Kamus Melayu* Kayu balak merupakan kayu yang diperolehi daripada pokok-pokok besar yang tumbuh di kawasan hutan. Antara contoh kayu balak yang popular ialah kayu cengal, kayu

meranti, keruing, belian dan sebagainya. Balak adalah satu istilah kolektif untuk kayu dan papan. Selain itu, pokok balak mempunyai kayu yang bermutu tinggi serta ketahanan dari serangan kulat, cacing dan kesan atmosfera untuk jangka waktu yang lama. Sebagai contoh penggunaan unsur alam dalam petikan dibawah:

“Dindingnya terbuat daripada papan-papan peti susu yang buruk dan berbulu-bulu, **kulit-kulit kayu balak** yang tebal-tebal dan bercendawan, zink-zink tong minyak berkarat yang sudah dileperkan dan kadbod-kadbod yang sudah berbulu-bulu dan berbelang-belang oleh respon air hujan.

(A. Samad Said, 2020: 6)

Berdasarkan petikan di atas, jelaslah bahawa pengarang menggambarkan bahawa kediaman mereka daripada kandang kambing yang diperbuat daripada papan kayu balak. Hal ini dikatakan demikian kerana, kayu balak merupakan kayu yang keras dan mampu bertahan bertahun-tahun jika digunakan untuk membina rumah. Oleh itu jelaslah pengkarya ini memasukkan unsur alam seperti kayu balak dalam penulisannya.

C) Daun Rumbia



Gambar 3: Atap Daun Rumbia

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/dH4B1gaERJCJt4YV8>)

Atap Rumbia atau Atap Nipah merupakan sejenis produk anyaman daripada hujan dan panas. Dari segi sejarah penggunaan atap rumbia, atap nipah dan atap daun Lalang merupakan kaedah tradisional di serata negara terutamanya di Kawasan Tropika. Atap rumbia ini juga merupakan atap sesuatu binaan yang diperbuat daripada pokok rumbia atau nama saintifik iaitu *Metroxylon sagu*. Sebagai contoh penggunaan unsur alam tersebut melalui petikan dibawah:

“Atapnya pula terbuat dari zink-zink tong minyak juga, daun-daun rumbia, kulit-kulit kayu balak dengan diatasnya dilapiskan tikar-tikar biasa ataupun tikar-tikar getah yang sudah buruk dan berlubang-lubang”

(A. Samad Said, 2020: 6)

Oleh hal yang demikian, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa dalam novel *Salina*, A. Samad Said menggunakan unsur

alam seperti daun rumbia sebagai penegasan bagi sesuatu keadaan. Pengarang menunjukkan unsur alam seperti daun rumbia tersebut untuk menegaskan berkenaan satu latar masa yang mana pada zaman dahulu masih ramai masyarakat yang kurang berkemampuan untuk membuat rumah yang selesa dan hanya mampu untuk menggunakan seperti kayu dan daun sebagai peralatan untuk membuat rangka tempat tinggal. Hal ini supaya pengarang dapat menunjukkan kepada pembaca dan memberikan gambaran serta membayangkan situasi ataupun peristiwa yang berlaku berlatar belakangkan unsur alam.

D) Pokok Labu



Gambar 4: Pokok Labu

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/nSAkiXrGjiUCJqCN7>)

Labu adalah sayuran bukan ulam yang mempunyai buah yang besar yang dimasak untuk dijadikan gulai, pengat kuih ataupun manisan. Ianya sangat sinonim dengan masakan tradisi masyarakat Melayu dan ianya mempunyai khasiat yang tinggi. Labu

juga merupakan makanan kegemaran Nabi Muhammad SAW dan pernah bersabda “bahawa labu itu pohon saudaraku Yunus AS”. Labu kuning berasa lemak lemak manis dan tidak pahit. Sebagai contoh penggunaan unsur alam tersebut melalui petikan dibawah:

“Di setengah-setengah rumah, di atapnya itu, menjalar-jalar daun-daun pokok labu yang sengaja dibiarkan meliar”

(A. Samad Said, 2020: 6)

Sehubungan dengan itu, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa unsur alam yang digunakan oleh pengkarya untuk menunjukkan sebuah keadaan kediaman yang diduduki oleh watak Siti Salina pada masa itu sangat usang kerana dalam petikan di atas dapat menggambarkan pokok labu yang telah menjalar kerana telah lama terbiar dan tiada siapa yang membersihkannya melainkan penghuni di kandang kambing itu.

E) Pokok Pisang



Gambar 5: Pokok Pisang

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/ymcxzYbwcnmGPYYg9>)

Pisang dipercayai berasal dari Asia Tenggara. Ianya dikenali di negara-negara tropika seantero dunia akibat dari perkembangan aktiviti perdagangan. Pisang mula diperkenalkan oleh saudagar-saudagar Arab di Afrika Timur. Pada tahun 1402, ianya telah dibawa ke Kepulauan Canary oleh orang-orang Portugis. Manakala bangsa Sepanyol memperkenalkan pisang ke Mexico sekitar tahun 1531 dan ke Benua Eropah Barat serta Amerika Utara pada tahun 1866. Selain itu, pisang merupakan buah yang ada ciri-ciri perubatan dan ia digunakan sebahagian dari perubatan tradisional. Pisang boleh dimakan segar atau diproses menjadi kuih, kerepek dan minuman. Sebagai contoh penggunaan unsur alam tersebut melalui petikan dibawah:

“... kemudian membuka tali tambahan yang berlilit-lilit yang di pokok pisang itu....”

(A. Samad Said, 2020: 18)

Oleh hal yang demikian, berdasarkan petikan di atas, menunjukkan bahawa A. Samad said menggambarkan bahawa kegunaan unsur alam dalam pada masa itu sangatlah berguna kerana berdasarkan petikan di atas pengkarya menunjukkan bahawa kambing-kambing peliharaan pemilik rumah sewa yang akan diikat di batang pokok pisang ketika ingin membiarkannya mencari memakan rumput disekitar situ.

4.2.2 Alam Fauna

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 408)*, fauna merupakan (bio) seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah tertentu. Selain itu juga, fauna merujuk kepada semua kehidupan binatang yang terdapat di kawasan atau masa tertentu. Ahli zoologis dan ahli paleontologi menggunakan fauna untuk merujuk kepada koleksi khas binatang yang terdapat pada waktu-waktu tertentu. Dalam konteks pandangan islam, Fauna adalah semua haiwan mana-mana kawasan atau masa. Terdapat 140 ayat al-quran yang bukan hanya memberi perhatian kepada beberapa jenis haiwan tertentu malah menerangkan peranan haiwan tersebut. Al-Quran meletakkan haiwan pada kedudukan yang lebih rendah berbandingkan dengan manusia dan mempunyai kecenderungan terhadap 'antoposentrisme'. Walaupun begitu, al-quran menyuruh setiap Muslim untuk memperlakukan haiwan dengan belas kasihan dan tidak menganiaya mereka. Secara umumnya, Allah S.W.T telah menjelaskan penciptaan haiwan, ciri-ciri dan bentuknya dalam al-Quran dengan firman-Nya di dalam surah Al-Nur, 24;25,

وَاللَّهُ خَلَقَ كُلَّ دَابَّةٍ مِنْ مَّاءٍ فَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى بَطْنِهِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى رِجْلَيْنِ وَمِنْهُمْ مَنْ يَمْشِي عَلَى أَرْبَعٍ يَخْلُقُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Dan Allah menciptakan tiap-tiap haiwan yang bergerak itu dari air; maka sebahagian di antara mereka menjajar atas perutnya, dan sebahagian di antaranya berjalan dengan dua kaki, dan sebahagian lagi berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa sahaja yang Ia kehendaki (selain dari yang tersebut), kerana sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Berdasarkan ayat diatas, Allah menjelaskan bahawa hakikat penciptaan semua jenis haiwan adalah daripada air, ayat ini juga membuktikan bahawa

air adalah elemen paling penting utama dalam semua komposisi makhluk hidup. Terdapat haiwan yang dicipta untuk merayap menggunakan perut seperti cacing dan ular malah ada juga yang mempunyai dua kaki seperti manusia dan burung dan ada juga yang berkaki empat seperti kucing. Ternyata semua semua penciptaan ini berasaskan kepada sunnahtullah sepertimana yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan bukan atas dasar kebetulan semata-mata.

Oleh hal yang demikian dalam penulisan A. Samad Said banyak menggunakan unsur alam Fauna untuk kegunaan menghidupkan lagi jalan cerita sekaligus mempunyai unsur-unsur kehidupan lain selain daripada manusia dalam karyanya dan dapat dibukti dalam contoh-contoh petikan daripada karyanya sendiri.

A) Kerbau



Gambar 6: Kerbau

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/oNidcJsLRSCE8mff6>)

Menurut artikel Dispertan (2019) kerbau adalah binatang memamah biak yang menjadi ternakan bagi bangsa di dunia,

terutama Asia. Haiwan ini adalah domestik dari kerbau air yang masih dapat ditemukan di daerah-daerah Pakistan, India, Bangladesh dan sebagainya. Kerbau dewasa dapat memiliki berat sekitar 300 kilogram sehingga 600 kilogram. Kerbau liar dapat memiliki berat yang lebih iaitu sehingga 800 kilogram dan jika jantan boleh mencecah 1200 kilogram. Salah satu perkara yang dapat membezakan antara kerbau peliharaan dengan kerbau liar iaitu perut yang bulat. Oleh hal yang sedemikian, berikut merupakan contoh petikan melalui Novel salina:

“Dia melanjutkan dengan memutar-mutarkan misai lebatnya yang membengkok ke atas seperti tanduk kerbau”

(A. Samad Said, 2020: 07)

Berdasarkan petikan diatas, jelas menunjukkan pengkarya memasukkan unsur alam fauna iaitu tanduk kerbau. Hal ini kerana, melalui petikan di atas misai yang membengkok itu diibaratkan seperti tanduk kerbau yang bengkok. Tambahan daripada itu, kerbau ini digunakan oleh pengkarya disebabkan kerbau ini ada salah satu daripada unsur alam fauna yang sangat sinonim dengan masyarakat pada zaman dahulu yang sering menjadi haiwan peliharaan masyarakat bumi khususnya masyarakat Melayu.

B) Kambing



Gambar 7: Kambing

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/vfbrS8iRY7dXoHxa7>)

Menurut kamus educalingo dalam Bahasa Melayu, kambing dapat didefinisikan bahawa kambing merupakan satu subspesies kambing yang dibela jinak daripada kambing liar Asia Barat Daya dan Eropah Timur. Kambing menganggotai keluarga Bovidae dan bersaudara rapat dengan biri-biri kerana kedua-duanya tergolong dalam subkeluarga caprinae. Terdapat lebih 300 baka kambing yang berlainan. Kambing adalah spesies yang paling lama dibela jinak iaitu untuk susu, daging, dan bulu serta kulit di seluruh dunia.

Antara aktiviti sosial dalam kalangan kambing adalah, kambing suka hidup secara berkumpulan. Kambing juga mempunyai karakter yang berbeza dan berat badan serta kehadiran tanduk menentukan kedudukan kambing dalam hierarki kumpulan. Perlakuan agresif turut wujud dalam kehidupan berkumpulan. Tahap keagresifan ini meningkat sekiranya saiz ruang untuknya terhad contohnya seperti dalam kandang kambing. sehubungan dengan itu, berikut merupakan contoh petikan melalui

Novel salina:

“Kurupaya samy sedang menambat kambingnya di pokok pisang tempat selalu kambing itu ditambat berdekatan dengan kambingnya itu sudah tersedia seikat daun nangka.....”

(A. Samad Siad, 2020: 133)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan bahawa pengkarya memasukkan unsur alam fauna iaitu kambing. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui petikan berikut kambing merupakan haiwan ternakan utama pemilik rumah sewa di kampung itu dan menjadikan kandang kambing sebagai rumah sewa kepada warga-warga yang terselamat daripada peperangan yang berlaku pada waktu itu. Tambahan lagi mereka dalam fasa kemerosotan ekonomi dan sanggup menyewa di kandang kambing kerana kekurangan kewangan untuk mencari tempat berteduh.

C) Tikus



Gambar 8: Tikus

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/S33b9BFTtuxj87P9A>)

Menurut Mohamad Hilmi bin Mustapa (2016), tikus merupakan spesies haiwan mamalia yang dipanggil rodensia. Kumpulan ini merupakan kumpulan haiwan mamalia kecil seperti mencit, cencurut, gerbil, mamut, tupai dan arnab. Rodensia dapat dibahagikan keada tiga kumpulan utama (order) iaitu, *sciuromorpha* dan berada dalam family Muridae. Di Malaysia spesies tikus yang paling kerap ditemui di dalam persekitaran rumah atau kediaman manusia iaitu tikus rumah. Selain itu, terdapat banyak lagi spesies yang lazimnya ditemui di negara ini antaranya termasuklah tikus Norway, tikus rumah kecil, tikus sawah, tikus kayu dan tikus burma. Oleh hal yang sedemikian, berikut merupakan contoh petikan melalui Novel salina:

“Dia memandang ke peti susu tempat beberapa ekor anak tikus masih sibuk berkejar-kejaran”..

(A. Samad Said, 2020: 128)

Berdasarkan petikan di atas, tikus merupakan salah satu tergolong daripada unsur alam yang jelas diletakkan untuk menghidupkan suasana pada penulisan pengarang. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengarang juga memasukkan unsur alam fauna tikus adalah untuk menimbulkan rasa kegerunan pembaca kepada rupa paras tikus yang agak kecil dan comel .

D) Anjing



Gambar 9: Anjing

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/7nobcQnzWLphH6gD7>)

Menurut Ensiklopedia Muslim, anjing merupakan sejenis binatang yang boleh dijinakkan dan ianya juga mempunyai gigi taring yang tajam. Hukum asal dalam islam berkenaan anjing ialah Najis Mughallazoh (Najis Berat) yang wajib dibersihkan dengan 1 kali air bercampur tanah dan 6 kali air bersih atau mutlak, apabila bersentuhan dengannya samada dalam keadaan kering atau basah. Setengah pendapat menetapkan hanua bersentuhan dalam keadaan bersih sahaja. Oleh hal yang sedemikian, berikut merupakan contoh melalui petikan novel:

“Beberapa ekor anjing menggonggong-gonggong kuat, seekor daripadanya penuh dengan penyakit kulit sehingga kulitnya hampir tiada berbulu”

(A. Samad Said, 2020: 01)

Berdasarkan petikan di atas, jelas menunjukkan pengkarya sememangnya menggunakan unsur alam fauna iaitu anjing untuk menegaskan keadaan sesuatu peristiwa itu kenapa khalayak

pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana, merujuk kepada petikan juga unsur alam fauna digunakan untuk menunjukkan kewujudan penghuni baru pada sesuatu kawasan itu.

E) Nyamuk



Gambar 10: Nyamuk

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/rse4GNxR9P8Jm42u5>)

Nyamuk dianggap salah satu hidupan yang penting juga di dalam ekosistem kehidupan. Di dalam perspektif Islam, nyamuk diangkat sebagai satu kebesaran Allah kerana tiada perbandingan yang diletakkan berupa nyamuk malah lebih rendah daripada itu. Hal ini menunjukkan jelas bahawa nyamuk diciptakan dengan mempunyai kelebihan dan kemampuan yang mungkin kurang diketahui oleh orang lain. Ini juga dianggap sebagai salah satu tanda kebesaran Allah sebagai penguasa langit dan bumi. Sebagai contoh penggunaan unsur alam fauna tersebut melalui petikan dibawah:

“ia terkadang-kadang memedihkan mata benar, walaupun sebenarnya mata dan hidung nyamuk yang mahu diasapi!”

“Dikampung kambing banyak Nyamuk besar-besar. Banyak longkang yang tidak mengalir airnya, dan banyak pula sampah sarap di dalamnya termasuk tin-tin kosong berkarat dan berjentik-jentik di dalamnya”

(A. Samad Siad, 2020: 51)

Berdasarkan petikan di atas, jelaslah bahawa pengkarya menggunakan unsur alam fauna iaitu nyamuk untuk menegaskan sesuatu perlambangan kepada bentuk kepada sesuatu kawasan tersebut. Dalam contoh daripada petikan tersebut juga menunjukkan bahawa demi membuktikan kepada khalayak pembaca bahawa sesuatu tempat tersebut benar-benar mengalami situasi ataupun keadaan yang sebenar.

F) Katak



Gambar 11: Katak

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/5oTFaexWkxvzmdX6>)

Menurut Silmi Nurul Utami melalui penulisannya pada website Kompas.com, katak dapat ditakrifkan haiwan amfibi yang tinggal di darat dan di air, dapat melompat tinggi, memiliki mata

yang besar dan mempunyai tubuh yang berlendir. Namun katak mempunyai ciri yang khusus iaitu bahagian matanya. Katak ini memiliki mata yang besar dan menonjol dengan warna yang berwarna-warni. Mata tersebut sangatlah sensitif terhadap pencahayaan dan gerakan sehingga katak memiliki penglihatan yang baik bahkan di malam hari. Selain itu, katak memiliki kaki yang panjang dan kuat. Katak memiliki kaki yang panjang dan sangat kuat. Kaki katak dapat memberikan tolakan serta gaya dorongan yang besar sehingga dapat meloncat 20 kaki lebih tinggi dari panjang tubuhnya. Oleh itu, dalam penghasilan novel ini berikut merupakan petikan yang dapat dijadikan bukti dalam novel Salina:

“...semasa mereka diam begitu telinga mereka dipenuhi oleh segala keriuhi-riuhan di sekelilingnya; terdengar suara orang-orang India yang bercerita fasal perempuan bermacam jenis, suara kanak-kanak yang terjerit-jerit keriang, suara enjin menggergaji, suara wap kilang air batu berhembus, suara katak menjemput hujan dan suara muzik joget moden di bar Eastern Hotel yang baharu kedengaran sayup-sayup”


(A. Samad Said, 2020: 69)

Berdasarkan petikan di atas, pengkarya menggunakan unsur alam katak untuk menunjukkan sesuatu keadaan yang mana haiwan ataupun katak ini jika mengikut kata-kata mitos daripada golongan orang tua pada zaman dahulu bahawa katak mempunyai suatu keajaiban pada suaranya yang mampu membuat hujan turun. Oleh itu, dalam petikan tersebut pengkarya menggunakan suara katak untuk membuktikan bahawa katak tersebut mempunyai keunikan dalam penulisannya.

4.2.3 Alam fizikal

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016: 413), fizikal adalah bukan badan, jasmani dan bukan kebendaan atau keadaan alam semula jadi. Alam fizikal ini ialah satu lapisan dari seluruh alam semesta. Alam ini ialah alam yang dapat dilihat oleh pancaindera manusia, disentuh sama ada dengan menggunakan alat mahupun tidak. Ini termasuklah langit, bumi, awan, bulan, bintang, gunung, sungai, matahari, batu, tanah, pulau dan sebagainya.

A) Sungai



Gambar 12: Sungai

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/767R8p2aiM17RGZv6>)

Menurut kamus *Educalingo* sungai dapat ditakrifkan sebagai sejenis saluran air tabii yang besar. Sumber sungai boleh dijadikan tasik, mata air ataupun anak-anak sungai. Dari sumbernya semua sungai menurun bukit, dan merupakan cara biasa air hujan yang turun di dataran untuk mengalir ke laut atau takungan air yang besar seperti tasik. Mulut, ataupun hujung sungai di laut dipanggil muara,

manakala puncanya dipanggil ulu. Air sungai biasanya terbatas di dalam satu saluran, yang terdiri daripada dasar sungai yang di antara dua tebing di kiri dan kanan. Kebanyakan curahan hujan di darat akan melalui sungai dalam perjalanannya ke laut. Sesebuah sungai biasanya terdiri dari beberapa anak sungai yang bergabung. Oleh hal yang sedemikian, berikut merupakan contoh petikan daripada novel salina:

“ketika duduk di tepi Sungai Rachor menantikan rezeki yang mungkin mengalir bersama-sama air sungai itulah dia ditemui Mutalib, ayah Nahidah...”

(A. Samad Said, 2020: 53)

Berdasarkan petikan di atas, menunjukkan bahawa sememangnya pengkarya menggunakan unsur alam iaitu sungai dalam penghasilan karyanya. Hal ini dikatakan demikian kerana, petikan tersebut menerangkan bahawa seseorang sedang menunggu pada sebuah sungai dan menantikan rezeki yang mendatang ibaratkan air sungai yang mengalir rezeki itu tidak putus-putus. Perkara ini sememangnya sinonim kepada masyarakat yang sentiasa mengaitkan rezeki itu seharusnya tidak putus-putus ibarat air sungai yang mengalir.

MALAYSIA

KELANTAN

B) Asap**Gambar 13:** Asap

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/wLrhAA5vEUCbCq1V9>)

Menurut kamus educalingo Asap merupakan himpunan bawaan udara zarah pepejal dan cecair dan gas yang terhasil apabila sesuatu bahan melalui pembakaran atau pirolisis, bersama dengan kuantiti udara yang dimasukkan atau sebaliknya bercampur pada jisim. Ia biasanya merupakan hasil sampingan yang tidak diinginkan dari kebakaran (termasuk dapur, lilin, lampu minyak, dan pendiang), tetapi boleh juga digunakan bagi kawalan haiwan perosak (pengasapan), komunikasi (isyarat asap), keupayaan pertahanan dan serangan oleh tentera (tabir asap), memasak (salai), atau merokok (tembakau, ganja, dll.). Digunakan dalam keupacaraan di mana kemenyan, dedaun, atau damar dibakar untuk menghasilkan bau untuk tujuan rohani. Asap kadang-kadang digunakan sebagai agen perasa, dan pengawet untuk pelbagai bahan makanan. Asap juga merupakan komponen gas ekzos pembakaran dalaman, terutamanya ekzos diesel.

Menghidu asap merupakan penyebab kematian utama bagi mangsa kebakaran dalaman. Asap membunuh melalui gabungan kerosakan haba, keracunan dan kerengsaan paru-paru yang disebabkan oleh karbon monoksida, hidrogen sianida dan produk pembakaran lain. Asap merupakan aerosol (atau kabut) dari zarah pepejal dan titisan cecair yang hampir dengan pelbagai ukuran yang sesuai untuk penyebaran Mie bagi cahaya yang kelihatan. Kesan ini telah disamakan dengan kaca privasi bertekstur tiga dimensi - awan asap tidak menghalang imej, tetapi mengherotkannya sepenuhnya. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan contoh petikan melalui novel salina


“Asap sabut mengelabui Kampung Kambing petang itu. Memang demikian selalunya di kampung kambing setiap petang, kecuali hujan benar, orang-orang di kampung kambing membakar sabut yang sudah di kumpul-kumpulkan sabut ini berasap sahaja sampai ke malam”

(A. Samad Said, 2020: 51)

Berdasarkan petikan tersebut, asap merupakan unsur alam fizikal yang telah diketengahkan oleh pengarang. Hal ini kerana, asap merupakan satu elemen yang mampu untuk menggambarkan sebuah keadaan yang terdapat pada setiap tempat tertentu. Selain daripada itu petikan di atas juga menunjukkan bahawa pengarang juga memasukkan unsur alam fizikal asap adalah untuk memberikan gambaran bahawa pada masa itu keadaan kampung yang suka membakar sampah-sampah pada waktu petang. Keadaan ini adalah sangat sinonim kepada jiwa masyarakat pada masa itu kerana zaman yang masih tidak ada kemajuan dan

kehancuran selepas peperangan dunia kedua mereka hanya mampu untuk menjalani kehidupan seperti biasa.

C) Gunung



Gambar 14: Gunung

(Sumber: <https://images.app.goo.gl/RTHwMNpgNuVniyJU6>)

Gunung adalah sebuah bentuk tanah yang menonjol di atas wilayah sekitarnya. Gunung adalah bagian dari permukaan bumi yang menjulang lebih tinggi dibandingkan dengan daerah sekitarnya. Sebuah gunung biasanya lebih tinggi dan curam dari sebuah bukit, tetapi ada kesamaan, dan penggunaan sering tergantung dari adat lokal. Beberapa otoritas mendefinisikan gunung dengan puncak lebih dari besaran tertentu; misalnya, Encyclopædia Britannica membutuhkan ketinggian 2000 kaki (610 m) agar bisa didefinisikan sebagai gunung. Gunung biasanya terbentuk dari gerakan tektonik lempeng, gerakan orogenik atau gerakan epeirogenik. Pegunungan merupakan kumpulan atau barisan gunung. Berikut merupakan contoh melalui petikan dalam

novel Salina:

“Dan apabila pula semula ke tempat Bai serbat itu meerkat menceritakan segala yang ‘diselidikinya’ itu, menjadikan hal sebesar hama sebesar bola tenis, hal sebesar busut semut, sebesar Gunung Tahan”.

(A. Samad Said, 2020: 65)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang telah memasukkan unsur alam fizikal iaitu Gunung. Hal ini dikatakan demikian kerana, petikan tersebut menceritakan berkaitan permasalahan yang membelenggu penduduk kampung kambing. Oleh hal yang demikian, pengkarya menggambarkan permasalahan tersebut ibarat Gunung yang besar dan mudah untuk dilihat oleh manusia. Lantaran itu, hal ini sememangnya sangat sinonim kepada masyarakat kerana masyarakat sememangnya mudah untuk menilai sesuatu itu berdasarkan apa yang dilihat oleh mata kepala mereka sendiri.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.3 Unsur Alam sebagai simbolik dalam Masyarakat yang terdapat Novel Salina

Dalam bahagian, pengkaji akan menerangkan watak Masyarakat menggunakan Teori Naturalisme iaitu aliran yang menggambarkan kenyataan peristiwa atau keadaan manusia dengan tidak mengubah keadaan sebenar. selain itu, huraian analisis ini adalah melalui Determinisme iaitu manusia yang hidup dalam persekitaran semulajadi seperti haiwan yang saling bertindak balas terhadap alam. seterusnya, Pessimism iaitu watak-watak yang cenderung untuk mengulangi frasa yang mempunyai pandangan pesimis. Unsur-unsur ini yang bersifat tidak baik seperti sudut-sudut gelap dalam kehidupan manusia seperti kemiskinan, pelacuran, seks dan kekotoran.

4.3.1 Masyarakat yang Tamak

Tamak dapat ditakrifkan bahawa tamak adalah sikap rakus terhadap hal-hal yang bersifat kebendaan tanpa memperhitungkan mana yang halal dan haram. Sifat ini sebagai sebab timbulnya rasa dengki, hasut, permusuhan dan perbuatan keji dan mungkar lainnya, yang kemudian pada penghujungnya mengakibatkan manusia lupa kepada Allah SWT, kehidupan akhirat serta menjauhi kewajipan agama. Oleh hal yang demikian, berikut merupakan contoh petikan melalui Novel Salina:

“Tak dapat tidurlah. Asyik kena betulkan atap saja. Sini dibetulkan sana bocor, sana dibetulkan sini pula bocor. Ada daun labu di atasnya pun tak guna. Bocor juga. Kalaulah

begini saja tiap-tiap malam, pendeknya tak dapat tidur langsunglah,” kata Hilmy.

(A. Samad Said, 1961:42)

Berdasarkan petikan di atas, sifat tamak dapat dilihat pada watak Kurupaya yang sanggup menyewakan kandang kambingnya kepada katijah. Kandang kambing ini kepunyaan buruh-buruh India yang berkerja di PWB yang telah dibenarkan oleh pihak berwajib yang berlesen untuk menempatkan kambing-kambing peliharaan mereka. Namun Kurupaya telah menyewakan kandang kambing itu kepada katijah dengan kadar sewa dua puluh ringgit dan dahului dengan wang kopi sebagai wang pendahuluan sebanyak lima puluh ringgit tetapi keadaan kandang kambing tersebut sangat teruk dan daif dengan keadaan atap yang bocor dan keadaan dindingnya yang tidak kukuh. Hal ini sememangnya menunjukkan sifat tamaknya kerana sanggup menyewakan kandang kambing dalam keadaan yang daif.

Selain daripada itu, watak tamak ini dapat dilihat melalui watak Zarina yang selalu memarahi Sunarto iaitu suaminya apabila Sunarto tidak dapat memenuhi keinginannya dan memberikan wang yang sedikit hasil daripada mengayuh beca. Sunarto masih mampu menahan dirinya untuk terus tinggal di rumah Zarina kerana dia masih mahu membalas jasa yang diberikan oleh bapa angkatnya iaitu Abdul Mutalib dengan menjaga Nahidah dan Mansur setelah kematian Abdul Mutalib. Sikap tamak ini makin terserlah apabila Zarina memaksa

Nadihah iaitu anak tirinya untuk menjadi pelayan disebabkan Zarina ingin memiliki kekayaan daripada hasil penderitaan orang lain dan kelihatan mewah serta memiliki perhiasan diri seperti yang dimiliki rakan-rakannya. Dapat dilihat melalui petikan dibawah:

“sebenarnya tidak seperti yang dituduh Zarina: dia memberikan wangnya kepada perempuan! Dan bukan juga kerana basikalnya atau dirinya itu ‘sueh’ seperti kata sesetengah orang melulu percaya pada nasib! Ini diyakininya bukan.

(A. Samad Said, 2020: 54)

Berdasarkan unsur alam dan simbolik kepada watak Kurupaya dan watak Zarina dapat kaitkan dengan unsur alam Fauna Nyamuk. Nyamuk juga yang memiliki sifat tamak kerana sifatnya yang suka menghisap darah sehinggalah kantung ataupun perut nyamuk tersebut pecah. Oleh hal yang demikian, watak Kurupaya dan Zarina dan unsur alam fauna nyamuk mempunyai kesamaan daripada sifat yang tamak. Sifat tamak ini juga sangatlah sinonim dengan keperibadian manusia kerana setiap manusia mempunyai keinginan pendapatan yang lebih untuk menyara kehidupan namun dengan cara yang agak salah kerana sifat ini boleh menindas keatas kehidupan orang lain.

4.3.2 Masyarakat yang Mementingkan Ilmu Pengetahuan

Ilmu pengetahuan dapat ditakrifkan iaitu maklumat dan kemahiran yang diperoleh daripada pengalaman atau pendidikan secara teori atau praktikal. Peribahasa Melayu berkata laut yang ditimba tidak akan kering. Ia boleh dikaitkan dengan ilmu pengetahuan mempunyai skop yang sangat luas dan kita tidak mampu untuk menelaah dan menguasai semua. Tetapi alangkah bagusnya jika kita mampu memahirkan diri dengan menimba sebanyak mana ilmu pengetahuan demi kepentingan diri, keluarga dan masyarakat. Oleh hal yang demikian, berikut merupakan contoh petikan melalui novel salina:

“Memang dari sekolah Melayu dulunya; sesudah sekolah Melayu barulah dihantar ke sekolah Inggeris. Kalau hendak dihantar ke sekolah Inggeris terus saja, siapa yang mampu? Ayahnya bukan ada. Untunglah dapat sekolah free, jawab Katijah menerangkan”

(A. Samad Said, 2020: 10)

Berdasarkan petikan tersebut, pengkarya meletakkan watak yang mampu untuk dijadikan contoh iaitu katijah. Walaupun Katijah mengalami kemerosotan ekonomi hidupnya setelah Perang Dunia Kedua, namun dia masih mampu untuk menghantar Hilmy ke sekolah dan menjadikan Hilmy seorang pelajar yang bijak kerana mampu bersekolah di sekolah Melayu Kota Raja dan berpindah ke sekolah Inggeris Monk's Hill dan Victoria Scholl secara percuma.

Selain daripada itu, watak Siti Salina juga turut mendapatkan pendidikan sebelum Perang Dunia Kedua mengalami kemusnahan yang mengakibatkan segala masyarakat pada masa itu terpaksa mengalami kemerosotan ekonomi dan pendidikan. Siti Salina bercita-cita untuk menjadi seorang doktor. Hal ini dikongsikan oleh Siti Salina kepada Hilmy sewaktu mereka berbual-bual. Siti Salina juga turut menyumbang wang bagi membantu Hilmy dalam meneruskan pelajaran dan perkara ini dirahsiakan daripada Abdul Fakar bagi mengelakkan dia dimarahi.

Oleh hal demikian, unsur alam yang dapat dikaitkan dengan perwatakan ini ialah unsur alam fauna tikus. Hal ini dikatakan demikian kerana, sifat tikus ini sangatlah sinonim dengan manusia kerana terdapat juga perkataan yang digunakan iaitu "jalan tikus". Sehubungan dengan itu, perkataan tersebut digunakan berdasarkan perumpamaan kebijaksanaan tikus itu untuk mencari jalan keluar daripada sesuatu jalan ataupun musuh. Begitu juga sinonimnya kepada manusia bahawa manusia seharusnya sentiasa untuk menimba ilmu pengetahuan agar menjadi manusia yang berguna kepada diri sendiri mahupun masyarakat diluar sana.

4.3.3 Masyarakat yang Menjaga Maruah Diri

Menjaga maruah diri dapat ditakrifkan iaitu usaha memelihara diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan perkara yang boleh mencemarkan kehormatan diri, keluarga dan masyarakat. Menjaga maruah diri ini sangatlah senang kerana meliputi tiga aspek iaitu pemakaian, kesopanan dalam percakapan dan keelokan tingkah laku. Sebagai contohnya melalui novel Salina:

“Abangnya suka, bercakap kepadanya tentang beberapa hal, bercakap sekali tentang rancangannya selepas habis sainnya dengan sojar itu, dan meminta sekali lagi supaya adiknya itu menjaga dirinya baik-baik, mengingatkan bahawa tidak ada yang lebih berharga di dalam dunia ini selain meninggalkan nama yang baik”

(A. Samad Said, 2020: 435)

Berdasarkan petikan di atas, dalam novel salina abang Nahidah, iaitu Mansur sering menasihati Nahidah supaya sentiasa menjaga maruah dirinya dan nama baiknya kerana bagi Mansur tiada yang lebih berharga di dunia ini melainkan nama baik dan maruah diri. Mansur juga sangat menyayangi adiknya dan sentiasa supaya meninggalkan pekerjaannya sebagai pelayan. Walaupun Mansur mengetahui bahawa adiknya terpaksa berkerja menjadi seorang pelayan kerana ibu tirinya yang memaksa namun Mansur tidak pernah lupa untuk berpesan kepada Nahidah supaya menjaga maruah dirinya dan tidak terlanjur melayani lelaki-lelaki di tempat kerjanya walaupun

dibayar dengan harga yang tinggi.

Berdasarkan watak Mansur dapat dikaitkan bahawa kambing kerana kambing merupakan seekor haiwan yang mampu untuk menjaga dirinya daripada ancaman. Sifat kambing yang tidak menyukai hujan juga merupakan salah satu kelaziman soninom dengan tabiat dalam menjaga diri. Hal ini dikatakan demikian kerana, sifat kambing tidak menyukai hujan kerana dirinya takut akan terancam oleh titisan-titisan air hujan tersebut dan sanggup mencari tempat untuk berteduh selama hujan masih turun. Manakala, watak Mansur pula ialah seorang abang yang bertanggungjawab terhadap adiknya Nahidah kerana sering menasihati agar sentiasa menjaga dirinya walaupun terpaksa berkerja menjadi pelayan atas arahan daripada ibu tirinya. Lantaran daripada itu, sikap seperti ini haruslah dijadikan sebagai pedoman agar kelak pembaca ataupun khalayak ramai mampu untuk mengikuti sifat tersebut.

4.3.4 Konflik dalam Kemasyarakatan

Kepincangan ini dapat dilihat melalui kehidupan Siti Salina, Abdul Fakar dan Zarina. Dalam kehidupan yang dilalui oleh Watak utama dalam novel ini iaitu Siti Salina dia dapat melihat dirinya telah terjerumus dalam dunia pelacuran setelah menjadi mangsa sojar ketika waktu peperangan dan terpaksa untuk menyara dirinya setelah menghadapi kemerosotan ekonomi setelah Perang Dunia Kedua. Selain daripada itu, Siti

Salina juga terpaksa menyara Abdul Fakar yang bukan suaminya tetapi mereka hidup seperti orang yang sudah berkahwin. Hal ini menjadikan Siti Salina tidak ingin melepaskan Abdul Fakar kerana dia memiliki rupa paras yang seiras dengan wajah kekasihnya yang telah menjadi mangsa peperangan. Manakala Abdul Fakar kelihatan seperti orang yang mengambil kesempatan atas segala kesenangan yang telah disediakan oleh Siti Salina sehingga dia sanggup memukul Siti Salina sekiranya dia tidak mengikut kehendak Abdul Fakar.

Tambahan lagi, Abdul Fakar juga bertindak jahat terhadap Nahidah dan dia sering menghasut ibu tiri Nahidah iaitu Zarina supaya menghalau Sunarto keluar daripada rumahnya agar lebih mudah untuk Abdul Fakar mengganggu Nahidah. Konflik ini dapat dilihat lagi pada kehidupan Zarina yang bersungguh-sungguh menggoda Abdul Fakar malah sanggup melakukan apa sahaja demi Abdul Fakar. Zarina juga telah membuat cerita mengenai Siti Salina bagi menimbulkan perasaan benci dalam diri Abdul Fakar. Berikut merupakan contoh melalui petikan dalam novel Salina:

“Mau pergi menghendap, ya?” Tanya Abdul Fakar yang Nampak juga kedatangan ‘para kekasih’ itu; di dalam hatinya melonjak-lonjak juga keharuan, walaupun tidak seberapa. Budak-budak muda itu ketawa tidak segan-segan.

“Tau sendiri”, kata seorang budak yang berambut yang sudah seperti tiga bulan tidak diguntingnya. Kalau pulang cerita tau? Kata Abdul Fakar dengan tidak segan-segan juga seketika terlupa dia soal Siti Salina, juga Zarina yang sedang memperhatikannya di sebelah.

(A. Samad Said, 2020: 78)

Berdasarkan daripada petikan di atas, dapat dilihat bagi konflik yang berlaku sesuai dijadikan simbolik kepada unsur alam flora iaitu Pokok Labu yang secara takrifan kita sendiri tahu Pokok Labu yang hidup secara menjalar dan mengguna hak lain untuk terus memastikan bahawa hidupan menjalar terus berkembang saban hari. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui watak Abdul Fakar seorang yang suka mengambil kesempatan terhadap kebaikan Siti Salina, kita dapat menjadikan simbolik kepada pokok labu dan watak Abdul Fakar kerana kedua-dua ini memberikan takrifan yang sama kepada masyarakat bahawa pokok labu yang hidup menjalar sama seperti mengambil kesempatan terhadap tanah yang telah menyuburkannya.

4.3.5 Masyarakat yang Berpandangan Serong

Pandangan serong merangkumi aspek persepsi negatif atau tidak elok kepada sesuatu perkara. Secara lazimnya pandangan serong ini dapat dilihat melalui peristiwa yang tidak baik ataupun sumbang yang dilakukan oleh sesetengah pihak atau tingkah laku yang tidak elok sehingga terwujudnya persepsi yang kurang baik. Berdasarkan Novel Salina, pandangan hidup masyarakat yang dikenal pasti ialah pandangan serong terhadap pekerjaan sebagai pelayan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengarang sendiri telah memasukkan sebuah peristiwa yang

membawa kepada masalah masyarakat iaitu pekerjaan sebagai pelayan sebagai pekerjaan yang dominan kepada segelintir wanita di kampung kambing. rentetan daripada itu, sesetengah masyarakat memandang rendah terhadap pekerjaan tersebut mereka beranggapan bahawa pekerjaan tersebut keji dan jijik. Oleh hal yang demikian, berikut merupakan kesahihan yang dapat ditunjukkan melalui novel salina:

“kau tau,” kata Cik Salim bila dia fikir sendiri sudah mula merasa puas, “jangan kau fikir jadi pelayan kau endah melayan dari jauh saja hah, hah? Pelayan bukan gitu, tau? Pelayan datang melayan dekat-dekat. Pelayan duduk dekat orang yang dilayannya. Pelayan duduk di atas pangkuan orang. Pelayan ikut saja cakap orang yang dilayannya, tau?”

(A. Samad Said, 2020: 300)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dikenal pasti bahawa pandangan hidup sesetengah masyarakat pada ketika itu memandang keji terhadap pekerjaan sebagai pelayan. Oleh hal yang sedemikian, mereka meletakkan tanggapan bahawa pekerjaan pelayan hanyalah berkerja untuk melayan orang lain atau pengunjung dari segi zahir dan batin. Impaknya, pelayan dianggap seperti murahan dan tidak bermaruah kerana terlibat dengan pekerjaan sedemikian.

Sehubungan itu, simbolik yang boleh dikaitkan berkaitan dengan masyarakat sebegini ialah, unsur alam fauna iaitu Anjing. Hal ini dikatakan demikian kerana, sifat yang semberonoh dan terus menilai terhadap seseorang itu sangatlah sinonim kepada

manusia khususnya masyarakat Melayu pada masa itu. Tambahan lagi, anjing dapat didefinisikan seekor haiwan yang tidak mempunyai akal fikiran yang sempurna dan terus menerjah sesiapa sahaja yang tidak dikenalnya. Sehubungan dengan itu, sifat ini adalah sangat sinonim kepada manusia kerana sikap yang suka menghukum tanpa menilai keseluruhan daripada pelbagai aspek.

4.3.6 Masyarakat yang Mengenang Budi

Menurut Rosli (2012), mengenang budi dapat ditakrifkan sifat yang sangat terpuji dan dipandang mulia oleh Tuhan. Kebaikan yang kita berikan itu kadang-kadang tidak dapat dibalas secara nyata kerana mungkin kurang berkemampuan tetapi di dalam hati masing-masing budi baik itu akan tetap dikenang sepanjang hayat. oleh hal yang sedemikian, melalui novel Salina dapat dilihat dalam petikan dibawah:

“Sewaktu di kampungnya dahulu ayahnya sendiri sering bercerita kepadanya tentang budi bahasa. Walaupun di masa itu tidak diketahuinya sungguh-sungguh apa sebenarnya budi bahasa itu dalam erti yang mendalam, tetapi kata-katanya “budi baik jangan kau lupakan sehingga bila-bila” itu tetap semarak itulah yang menghalangnya untuk meninggalkan keluarga Zarina-keluarganya. Ya, budi baik orang tak boleh kulupa sampai bila-bila, bisik Sunarto di dalam hatinya”

(A. Samad Said, 2020: 62)

Berdasarkan petikan di atas, dapat dilihat masyarakat yang mengenang budi. Sifat ini dapat ditonjolkan melalui watak

Sunarto yang sanggup bertahan daripada hinaan kerana ingin mengenang budi ayah angkatnya iaitu Mutalib yang menyelamatkan nyawanya kerana menghidap penyakit demam malaria sewaktu dibawa oleh tentera Jepun ke Siam. Walaupun ayah angkatnya telah meninggal dunia, namun Sunarto masih diherdik dan dihina oleh Zarina iaitu Isteri Mutalib. Namun demikian, sifat mengenang budi Sunarto yang menjadikan dirinya tetap berkeras untuk bertahan kerana telah berjanji untuk menjaga anak Mutalib iaitu Nahidah dan Mansur. Hal ini merupakan hasil daripada didikan Mutalib yang sering berceritanya kepadanya tentang pentingnya berbudi Bahasa dan dia masih mengingati kata-kata tersebut.

Sehubungan dengan itu, antara unsur alam yang dapat dikaitkan dengan unsur alam fauna yang mempunyai sifat mengenang budi pada tanah dan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, untuk memastikan manusia boleh bernafas dengan penuh kesegaran tumbuhan memainkan peranan paling penting kerana mampu untuk mengeluarkan oksigen yang bernafas

4.4 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan hasil daripada analisis yang dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji mendapati bahawa pengarang Novel Salina iaitu A. Samad Said sememangnya banyak menggunakan unsur alam yang terdiri daripada Alam Flora, Alam Fauna dan alam Fizikal dalam penghasilan karyanya. Tambahan daripada itu, pengarang juga banyak memasukkan pelbagai ragam kepada watak dan perwatakan untuk mewujudkan segala konflik dan permasalahan dalam jalan penceritaan karya ini.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan menyimpulkan secara keseluruhan mengenai Kajian Unsur Alam dalam Novel Salina karya A. Samad Said. Pada bahagian permulaan bab ini, pengkaji akan memberikan rumusan secara keseluruhan berkaitan kajian ini. Selain itu, pada pertengahan bab ini juga pengkaji akan memberikan impak dan cadangan bagi kajian ini dan pada pengakhiran pengkaji akan membuat sedikit kesimpulan kecil bagi bab ini untuk hasil perbincangan kajian yang telah dikaji.

5.1 Rumusan

secara tuntasnya, kajian ini adalah bagi mengkaji berkaitan unsur alam dalam novel A. Samad Said dengan memfokuskan kepada analisis berkaitan Teori Naturalisme. Bagi memenuhi objektif kajian ini, kajian kualitatif telah dijalankan oleh pengkaji. Seperti yang kita sedia maklum, setiap pengarang mempunyai daya kreativiti yang tersendiri dalam penghasilan karyanya yang menggunakan unsur persekitaran sekeliling sebagai satu permulaan untuk mencetuskan idea dalam penulisan karya kreatif dan imaginatif yang bermanfaat kepada pembaca. A. Samad Said adalah seorang pengkarya yang banyak menggunakan ataupun menyetengahkan pelbagai unsur alam di dalam karyanya Khusus kepada

karya agung Novel Salina. Hal ini dikatakan demikian kerana, secara umumnya beliau banyak menghasilkan karya berkenaan dengan pengalaman kehidupan yang mereka lalui oleh itu faktor dalam penghasilan karyanya juga adalah melalui jalan cerita hidupnya sendiri. Berdasarkan kepada hasil analisis kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak unsur alam yang diketengahkan oleh pengarang di dalam novel yang dikaji iaitu Novel Salina. Antara unsur alam yang dapat dikenal pasti ialah Unsur Alam Flora, Unsur Alam Fauna dan Unsur Alam Fizikal. Malah melalui hasil penelitian juga didapati bahawa unsur alam sememangnya sinonim kepada manusia.

Tambahan dari itu, berdasarkan unsur alam ini, A. Samad Said mampu untuk menyelesaikan amanahnya kepada Allah SWT dimuka bumi ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan mengetengahkan unsur alam ini uga pengarang dapat memimpin kepada khalayak pembaca untuk saling menikmati keagungan Allah SWT yang menciptakan seluruh kejadian dalam alam semesta ini serta memberikan faedah kepada manusia. Selain itu, A. Samad said juga menjadikan unsur alam ini sebagai inspirasi dan idea kepada perkembangan penghasilan penulिसannya bagi tujuan untuk menimbulkan kesan-kesan tertentu kepada pembaca. Unsur alam ini tidak hanya berfungsi untuk menggambarkan keadaan sebenar kepada pembaca namun kecantikan alam ciptaan Allah SWT malah mempunyai makna yang tersurat dan tersirat yang boleh dijadikan penelitian kepada Kesusasteraan Melayu.

5.2 Cadangan

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan mengenai cadangan bagi kajian yang dilakukan oleh pengkaji berkenaan Kajian Unsur Alam dalam Novel Salina karya A. Samad said. Berdasarkan kepada hasil kajian analisis, pengkaji akan mengemukakan cadangan ini kepada beberapa pihak yang seharusnya bertanggungjawab untuk mengangkat martabat dan keunggulan segala karya yang terdapat di negara ini untuk dijadikan bahan bacaan kepada masyarakat.

5.2.1 Cadangan Kepada Penerbit-Penerbit

Berdasarkan kepada hasil analisis kajian, pengkaji telah memikirkan beberapa cadangan supaya pihak Penerbit untuk menerbitkan lebih banyak buku dan sumber-sumber rujukan berkenaan dengan unsur – unsur alam serta dapat mendedahkannya kepada khalayak pembaca dan masyarakat betapa pentingnya alam kepada manusia dalam meneruskan roda-roda kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia dan alam tidak dapat dipisahkan kerana masing-masing saling memerlukan untuk hidup di dunia.

5.2.2 Cadangan kepada Pihak Media digital

Berdasarkan hasil analisis kajian, pengkaji mencadangkan agar pihak media massa seperti Instagram, facebook, youtube, dan Tiktok serta lain-lain memainkan peranan yang sangat penting untuk memartabatkan lagi karya-karya

sastera kepada khalayak masyarakat tentang unsur-unsur alam. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji mendapati segelintir masyarakat masih mengetahui betapa pentingnya kita mendalami tentang unsur-unsur alam yang diketengahkan oleh pengkarya-pengkarya untuk menimbulkan keindahan dan menggambarkan keadaan berkenaan karya yang dihasilkan untuk pembacaan khalayak.

5.2.3 Cadangan kepada para pengkaji yang akan datang

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji juga mencadangkan kepada para pengkaji yang akan datang supaya meneruskan legasi pengkaji unsur alam yang diketengahkan oleh pengkarya. Pengkaji yang akan datang juga disarankan untuk mengkaji aspek ini lebih mendalam kerana masih banyak kelompongan yang harus dipenuhi untuk kajian yang akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat perkaitan yang sangat akrab dengan penelitian unsur alam yang diterapkan melalui teori naturalisme dengan hasil perbincangan yang tidak diujahkan dalam kajian yang mungkin boleh diketengahkan oleh pengkaji yang akan datang. Oleh hal yang sedemikian, pengkaji sangat mengharap supaya pengkaji yang akan datang dapat meneruskan kajian seperti ini dengan skop yang lebih meluas agar dapat membuka mata khalayak berkenaan kajian unsur alam dalam karya-karya Novel yang telah dihasilkan.

5.3 PENUTUP

Secara tuntasnya, Novel *Salina* boleh dianggap sebagai sebuah karya yang unggul kerana penghasilannya mempunyai nilai yang sangat tinggi dari aspek kepengarangannya. Keunggulan karyanya dapat dilihat dengan hasil karya yang dapat menyampaikan segala makna tersurat dan makna tersirat. A. Samad Said yang mampu memperlihatkan cetusan pemikiran dan menceritakan keadaan hidup bangsa Melayu selepas perang dunia kedua yang hidup dalam keadaan yang terdesak dan terpaksa menceburi hidup pelacuran demi ingin meneruskan kelangsungan hidup.

RUJUKAN

- Abdullah Yusof *et. al.* (2009). *Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur:Pustaka Salam Sdn Bhd
- Abdul Rahman Napiah *et. al* (2014). *Karya agung Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah, A. & Samian, A. L (2017). "Unsur-Unsur Alam Dalam Pendidikan Akhlak Masyarakat Melayu Menerusi Beberapa Karya Raja Ali Haji (Elements of Nature in the Moral Education of Malay Society Based on the Works of Raja Ali Haji)". *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 9(2), 353-365.
- Ab Halim Mohamad (2011). "Unsur-unsur Ilmu Badi' Arab dalam Syair Hamzah Fansuri," *Sari: International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, no. 2 (2011), 67-82.
- Abidin, D.Z (2014). *Quran Saintifik*. Batu Caves: PTS Millenia Sdn.Bhd
- A.Samad Said (1999). *Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah s.a.w. dalam Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- A.Samad Said (1961). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aimi Abdulkarim (2006). *Pendidikan kewarganegaraan: Membangun Warganegara Yang Demokratis Untuk Kelas IX*. Jakarta: Grafindo Media Pratama.
- Al-Quran Al Karim (2010). *Terjemahan Bahasa Melayu Berserta Keterangan Ayat,Rasm Uthmani*. Ipoh: Penerbit Bumicreative Sdn. Bhd.
- Afni, N (2018). *Representasi Alam dan Manusia dalam Novel Api Awan Asap Karya Korrie Layun Rampan: Suatu Kajian Ekokritik Gred Garrad*. Tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Universitas Negeri Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia.
- Atfalusoleh, S (2018). "Kajian Ekokritik Sastra Cerpen Harimau Belang Karya Guntur Alam Dalam Kumpulan Cerpen Kompas 2014 "Karma Tanah & Cerita Lainnya".
- Awang Sariyan (2006). Retorik sebagai alat berbahasa. *Pelita Bahasa*, 18(1), 812.
- Ensiklopedia Sains* (1979). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Jos Daniel Parera (2004). *Teori semantik*. Jakarta : Erlangga.
- Keris Mas (1990). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Al Afzan Bin Ali Hussin (2018). *Konsep Novel "Pengetahuan Menjangkau Sempadan"*.
- Mana Sikana (2013). *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Nik Hassan Basri Nik Ab.Kadir (2005). *Stilistik Komsas*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2007). *Komsas Pegangan Teras Keterampilan*. Kuala Lumpur: Icon Region Sdn. Bhd.
- Rahman Shaari (2001). *Bimbingan Istilah Sastera*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Rosnah Baharudin (2012). *Biografi A. Samad Said: Memberi Hati Nurani*. Kuala Lumpur: Institut terjemahan dan Buku Malaysia.
- Seminar Nasional Kajian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya (SEMNAS KBSP) V 2018, *Universitas Muhammadiyah Surakarta (UMS), Jawa Tengah, Indonesia*
- Shahnon Ahmad (1994). *Sastera: Pengalaman Ilmu Imajinasi Dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Aisah Murad (2007). *A. Samad Said Dalam Esei Dan Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zurinah Hassan (2010). *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan Internet

<https://images.app.goo.gl/nSAkiXrGjiUCJqCN7> (akses pada 10 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/RTHwMNpgNuVniyJU6> (Akses pada 10 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/hJBLUoZ3FyghnqZR8> (Akses pada 10 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/dH4B1gaERJCJt4YV8> (Akses pada 12 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/WSLrEMpSG7KnKkoy5> (Akses pada 12 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/ymcxzYbwcnmGPYYg9> (Akses pada 12 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/oNidcJsLRSCE8mff6> (Akses pada 12 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/vfbrS8iRY7dXoHxa7> (Akses pada 15 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/7nobcQnzWLphH6gD7> (Akses pada 15 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/rse4GNxR9P8Jm42u5> (Akses pada 15 Oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/5oTFaexWkxvzmdDX6> (Akses pada 15 oktober 2022)

<https://images.app.goo.gl/767R8p2aiM17RGZv6> (Akses pada 15 Oktober 2022)



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN